ANALISIS SEMANTIK KATA KERJA *GERAK* DAN *CAMPAK* DALAM DIALEK NEGERI SEMBILAN*[1]

NORSIMAH MAT AWAL
NUR LIYANA BINTI ZULKFFLE

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Fokus utama penulisan ini ialah menjalankan analisis semantik terhadap kata kerja *gerak* dan *campak* seperti yang digunakan dalam dialek Negeri Sembilan. Kami memilih untuk meneliti kata kerja *gerak* dan *campak* ini kerana terdapat beberapa kata kerja lain yang bersinonim dengan kedua-dua kata kerja tersebut di samping terdapat unsur hirarki makna pada kedua-dua kata kerja tersebut. Dengan itu, penelitian melalui pendekatan semantik ini mengadaptasi kerangka Teori Prototaip (Rosch, 1975) yang pada asalnya bertujuan untuk menunjukkan makna perkataan melalui konsep pemilihan contoh masdar dan bukan masdar untuk perkataan yang bersifat polisemi. Sedangkan, hasil pengadaptasian dari teori ini didapati mampu menunjukkan hirarki makna perkataan khususnya kata kerja yang bersifat sinonim berdasarkan konsep pemilihan makna utama dan bukan utama. Selain itu, konsep ruang dan waktu turut digabungkan untuk memperincikan lagi perbezaan hierarki makna untuk dua kata kerja tersebut. Dari segi proses pengumpulan data pula, kata kerja yang dipilih untuk kajian ini adalah bersumberkan senarai kosa kata dialek Negeri Sembilan hasil dari projek kajian Pemerian Semula Dialek Negeri Sembilan berdasarkan Dialektologi Bandar (UKM-SK-08-FRGS0003-2010) dan juga himpunan kosa kata daripada *Kumpulan Sokongan Anak-Anak Negeri Sembilan* di dalam rangkaian laman sosial *Facebook*. Di samping itu, pengesahan dari penutur natif dialek tentang sinonim dua kata kerja beserta contoh penggunaannya juga disertakan untuk mengukuhkan lagi penelitian.

Kata kunci: dialek Negeri Sembilan, kata kerja gerak, sinonim, hirarki, Teori Prototaip

ABSTRACT

The main focus of this article is to conduct a semantic analysis on the verbs of movement gerak/move and campak/throw as they are used in the Negeri Sembilan dialect. We have chosen to focus on the verbs gerak and campak as there are several other verbs that are synonymous with these two verbs and at the same time there are hierarchical element in the two groups of verbs. Therefore, the semantic analysis conducted is adapting the Prototype Theory (Roach, 1975 dlm Norsimah Mat Awal 2007) approach that looked at the core and pheripheral meanings. By adapting the approach, this study has able to show the hierarchical nature of the verbs that are synonymous. In addition, the concepts of space and time are also incorporated in the explanation on the difference in meanings of both verbs. The data for this study is taken from the Negeri Sembilan dialect wordlist prepared by the research group Pemerian Semula Dialek Negeri Sembilan Berdasarkan Dialektologi Sosial (UKM-SK-08-FRGS0003-2010) and from a collection of words taken from the social network group Kumpulan Sokongan Anak-Anak Negeri Sembilan found on Facebook. In addition, verification and validation from native speakers of the Negeri Sembilan dialect on the synonyms of the two verbs are also sought to strengthen the analysis.

***Keywords**: Negeri Sembilan dialect, verbs of movement, synonym, hierarchy, Prototype Theory*

[1] Paparan data adalah sebahagian daripada dapatan kumpulan penyelidikan UKM-SK-08-FRGS0003-2010.

PENGENALAN

Makalah ini mendeskripsikan kata kerja *gerak* dan *campak* dalam dialek Negeri Sembilan dari perspektif analisis semantik. Kajian ini memfokuskan perbezaan makna kata kerja khususnya kata kerja yang bersifat sinonim dalam dialek Negeri Sembilan. Untuk kajian ini, pengkaji memilih menggunakan kata kerja perbuatan *gerak* dan *campak* sebagai mendokong kelas kata kerja yang dipilih untuk kajian ini. Penumpuan kepada kata kerja ini khususnya di dalam dialek Negeri Sembilan dilakukan kerana pengkaji tertarik kepada unsur-unsur hierarki seperti yang terdapat di dalam data kajian. Oleh itu, dua kata kerja yang dilihat menonjol tahap hierarkinya iaitu *gerak* dan *campak* telah dipilih untuk kajian ini. Seterusnya, kajian ini diteliti melalui pendekatan semantik yang mengadaptasi kerangka Teori Prototaip (Rosch, 1975) dalam (Norsimah, 2007) yang asalnya menunjukkan makna perkataan melalui konsep pemilihan contoh masdar dan bukan masdar. Namun begitu, di dalam kajian ini kerangka ini diadaptasi untuk menunjukkan hirarki makna kata kerja tersebut melalui konsep pemilihan makna yang utama dan yang bukan utama. Hal ini kerana, di setiap kata kerja utama ini, terdapat beberapa leksikal lain yang turut berada di dalam kategori yang sama. Leksikal-leksikal ini dilihat masih mendukung makna utama bagi kata kerja utama tersebut. Penemuan ini secara langsung membuktikan ketajaman persepsi penutur dialek ini dalam mengkonseptualisasikan dan memperincikan sesuatu perlakuan.

Data Kajian

Pertamanya, kajian ini tergolong dalam bidang dialektologi sosial kerana penelitian penggunaan dialek Negeri Sembilan dalam kalangan penggunanya yang dikategorikan mengikut umur, jantina, lokasi dan status sosio-ekonomi. Kedua, kajian ini tertumpu pada aspek semantik. Kajian ini akan meneliti makna kata kerja yang bersinonim dalam dialek Negeri Sembilan berdasarkan analisis semantik. Di dalam kajian ini, terdapat dua peringkat kajian. Peringkat pertama ialah membangunkan senarai kata arkaik dalam dialek Negeri Sembilan. Dalam usaha menghimpun kosa kata arkaik tersebut, senarai kata arkaik dihimpun dan dicungkil daripada beberapa orang informan warga emas di sekitar daerah Rembau dan Seremban. Para informan ini seterusnya ditemubual dan temubual ini dirakamkan. Peringkat kedua pula ialah membandingkan senarai kata yang terkumpul melalui informan dengan perkataan dialek Negeri Sembilan yang sudah diserapkan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Perbandingan ini dilakukan atas dasar aspek semantik, iaitu makna sesuatu kata yang digunakan dalam situasi yang sebenar dengan makna kata dalam entri kamus (Norsimah et.al. 2011). Pada peringkat temubual ketiga pula, seorang informan wanita, anak jati dari Kampung Bongek Acheh dipilih oleh pengkaji untuk mendapatkan pengesahan mengenai leksikal-leksikal asli dialek Negeri Sembilan. Leksikal-leksikal asli berserta dengan contoh ayat yang telah disahkan keasliannya inilah, seterusnya diangkat untuk menjadi data kajian ini.

Teori Prototaip dan Konsep Ruang serta Waktu

Teori prototaip secara asasnya merupakan suatu konsep tentang pengkategorian. Pengkategorian dalam teori ini bukanlah berlandaskan ciri-ciri kesepunyaan, tetapi berlandaskan perspektif teras dan pinggiran dalam setiap pengkategorian. Teori prototaip ini diasaskan oleh Eleanor Rosch (1975) dalam (Norsimah, 2007), berhasil membuktikan bahawa dalam mengkategorikan entiti yang semula jadi, manusia sedia maklum bahawa kesemua ahli di dalam sesuatu kategori tidak seharusnya mempunyai taraf yang sama. Sungguhpun begitu, jika sebelum ini teori yang dipelopori oleh Eleanor Rosch ini hanya digunakan untuk menerangkan konsep polisemi di dalam sesuatu bahasa, di dalam kajian ini teori prototaip akan diadaptasikan untuk menerangkan hierarki sinonim di dalam dialek Negeri Sembilan. Sebagai contohnya untuk makna perkataan *pukul*, *pukul* digambarkan sebagai perbuatan mengetuk sesuatu menggunakan benda yang keras dan kuat serta diikuti dengan perkataan yang lain seperti *membalun, menghentam, mengetuk* dan sebagainya. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa perkataan *pukul* ini dapat dileksikalisasikan dengan perkataan lain untuk menggambarkan perbuatan tersebut. Di dalam hal ini, untuk menggambarkan perbuatan yang sama, leksikal-leksikal ini telah mempunyai beberapa perincian yang spesifik untuk menerangkan setiap perbuatan bersinonim itu. Perincian-perincian yang spesifik inilah yang akan cuba dihuraikan di dalam kajian ini berhubung dengan konsep ruang dan waktu seperti yang telah diketengahkan oleh Asmah (1988).

Secara ringkasnya konsep ruang dan waktu boleh terbayang melalui perbuatan yang melibatkan beberapa faktor menurut Asmah (1988). Konsep ruang bukan sahaja didapati dalam konteks fizikal tindakan yang tertentu tetapi dikaitkan dengan dua faktor lain. Faktor pertama ialah arah gerakan sesuatu perbuatan tersebut sama ada ke hadapan, ke belakang, ke samping, ke atas atau ke bawah, atau gabungan gerak berkenaan. Faktor kedua pula ialah cara perbuatan tersebut dilakukan dalam hubungannya dengan bahagian badan seperti gerak kaki, gerak punggung atau gerak tangan dan lutut. Sedangkan faktor waktu pula boleh digambarkan melalui kelajuan gerak seperti lambat atau pantas sesuatu perbuatan tersebut. Perkara yang sama turut berlaku dalam hidup kita, iaitu manusia hidup dalam ruang dan waktu. Oleh itu, persepsi kita terhadap kehidupan sangat berkait rapat dengan gejala ruang dan waktu ini. Dengan itu, perkaitan konsep ruang serta waktu ini akan diterangkan menggunakan analisis teori prototaip dalam menggambarkan persepsi dan kognitif masyarakat penutur dialek ini dalam bentuk hierarki.

KATA KERJA *GERAK*

Makna teras untuk kata kerja *gerak* dari segi teori prototaip secara umumnya ialah perbuatan yang menunjukkan perpindahan tempat dari titik A ke titik B. Menurut *Kamus Dewan*, gerak ialah 1. perpindahan tempat dan lawan kepada diam, bergoyang, beralih tempat atau berpindah tempat. Perbuatan *gerak* ini hanya khusus kepada benda yang bernyawa sahaja. Secara umumnya,

perbuatan *gerak* ini memerlukan alat penggeraknya. Manusia secara umumnya bergerak menggunakan sama ada tangan, lutut atau pun kaki. Selanjutnya dalam konsep GERAK ini terdapatnya konsep ruang dan waktu kerana perbezaan penggunaan alat penggerak tersebut. Begitu juga di dalam dialek Negeri Sembilan, terdapat beberapa perkataan lain yang turut mendukung makna *gerak* ini misalnya seperti di bawah:

Jadual 1.1 G*erak* dan Leksikal Pinggiran

Leksikal	**Makna**
Ensot	Bergerak dengan menggunakan punggung dengan cara menolak badan ke hadapan.
Menonong	Berjalan dengan pantas ke hadapan tanpa mempedulikan orang lain, terus ke hadapan tanpa memandang ke kiri dan ke kanan.
Belolah	Berlari, bergerak lebih laju berbanding berjalan.
Moncicit	Berlari lintang pukang
Mencenceng	Berlari dengan pantas untuk mendapatkan sesuatu.
Mengambur	Melompat ke hadapan.
Mengumba	Berjalan mengundur.

Berdasarkan penelitian makna-makna leksikal yang mendukung makna pinggiran *gerak* seperti di atas, konsep GERAK ini boleh terbahagi kepada dua paradigma iaitu paradigma ruang dan paradigma waktu. Dalam paradigma ruang, di dapati bahawa arah pergerakan setiap perbuatan ialah berlainan. Terdapat arah pergerakan yang maju ke hadapan, ke samping, ke belakang serta ke atas atau gabungan arah gerakan-gerakan tersebut. Cara tindakan untuk setiap perlakuan ini juga turut berlainan misalnya ada yang menggunakan gerak kaki, gerak tangan, gerak lutut serta gerak punggung. Penjelasan mengenai hubungan konsep GERAK dengan paradigma ruang akan dijadualkan seperti di bawah:

Jadual 1.2 Hubungan GERAK dengan Ruang

Makna Teras GERAK	**Arah Pergerakan**				**Cara Pergerakan**	
Leksikal	Depan	Sisi	Belakang	Atas	Kaki	Tangan
Ensot	✔	✔	✔			✔
Menonong	✔		✔		✔	
Belolah	✔		✔		✔	
mencenceng	✔		✔		✔	
Moncicit	✔		✔		✔	
Mengambur	✔			✔	✔	✔
Mengumba			✔		✔	

Berdasarkan Jadual 1.2, setiap leksikal sinonim yang mendukung makna pinggiran *gerak* mempunyai ciri-ciri khas tertentu. Leksikal *ensot* misalnya, arah gerakannya boleh ke hadapan, ke sisi, ke belakang atau gabungan semua arah gerak berkenaan dengan menggunakan tangan. Contoh ujaran untuk leksikal *ensot* ialah:

1) *Ensot* sano sikit, sompitlah sini.
'Ensot sana sedikit, sempitlah sini'.

Leksikal *mengambur* pula yang bermaksud melompat, arah gerakannya hanya pada arah ke hadapan dan ke atas dengan menggunakan tangan dan kaki. Sedangkan arah gerakan *mengumba* hanya ke belakang dengan menggunakan kaki kerana kata ini bermaksud berjalan secara mengundur. Daripada penjelasan ini, dapat diperhatikan bahawa leksikal seperti *ensot*, *mengambur* dan *mengumba* mempunyai atribut-atribut khas yang tersendiri. Atribut-atribut khas leksikal ini dibezakan oleh arah gerakan serta alat penggerak yang digunakan. Dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa faktor-faktor pembeza leksikal ini terkandung dalam arah gerakan dan alat penggerak yang berlainan untuk setiap perbuatan seperti di atas. Contohnya:

2) Bilo *mengumba* balik ke khemah baru ese perasan tompek tu boto boto kek jirat cino.
'Bila *mengumba* balik ke khemah baru saya perasan tempat itu betul-betul dekat jirat Cina'.
3) Kok ghuntuh kang sesamo la kito *mengambur* cecopek.
'Kalau runtuh nanti sama-sama la kita *mengambur* cepat-cepat'.
4) Ok bingkeh macam kucing kot *mengambur* tuh.
'Ok bingkas macam kucing kot *mengambur itu*'.

Berdasarkan contoh ayat 2) perkataan *mengumba* diikuti dengan frasa *balik ke khemah*, oleh itu keadaan menjelaskan dengan jelas bahawa sememangnya *mengumba* merupakan perbuatan berjalan secara mengundur seperti yang diterangkan di atas. Sedangkan untuk perkataan *mengambur* pula, pertamanya *mengambur* digambarkan sebagai pergerakan yang pantas seperti yang dinyatakan di dalam ayat 3) iaitu mengambur cecopek. Manakala ayat 4) pula menggambarkan perbuatan ini dengan perlakuan binatang iaitu bingkeh macam kucing. Di sini, perlakuan *mengambur* itu dapatlah diertikan sebagai pergerakan yang pantas dan bergerak ke hadapan. Hal ini kerana, pergerakan binatang selalunya ke hadapan berbanding dengan perlakuan mengundur. Perkara ini terjadi selalunya bertujuan untuk menyelamatkan diri dan mengelakkan sesuatu perkara yang berbahaya.

Walau bagaimanapun, jika leksikal-leksikal seperti *ensot*, *mengambur* dan *mengumba* mempunyai atribut-atribut khas yang tersendiri di dalam arah gerakan dan alat penggerak sebagai faktor pembeza, perkara ini dilihat berlainan

dengan beberapa leksikal yang lain. Leksikal-leksikal tersebut ialah *menonong, belolah*, *moncicit*, dan *mencenceng*. Leksikal-leksikal ini dilihat berkongsi atribut-atribut yang sama antara satu sama lain. Atribut-atribut tersebut ialah arah gerakan boleh ke hadapan dan ke belakang dengan menggunakan kaki. Contoh-contoh ayat adalah seperti berikut:

5) Masa tu akak nak balik dah, Si Bob *mononong* ko dopan.
'Masa itu kakak hendak balik sudah, Si Bob *menonong* ke depan'.
6) Encet-encet *belolah* mencelinap.
'Encet-encet *belolah* mencelinap'.
7) Hongeh ese *belolah* keliling padang.
'Semput saya *belolah* keliling padang'.
8) Tak dapek lihatnyo eh uwannyo pogang kopai, *mencenceng* jo kek uwan tu do.
'Tidak boleh melihat neneknya memegang beg duit, *mencenceng* saja kepada neneknya itu'.
9) Tak dapek den kojar do, *mencicit* lari eh pencuri tu ha.
'Tidak dapat saya mengejarnya, *mencicit* lari pencuri itu.


Berdasarkan ujaran-ujaran seperti di ataslah terbentuknya konsep waktu untuk membezakan leksikal-leksikal makna pinggiran untuk sinonim *gerak* ini. Konsep waktu dalam paradigma *gerak* ini lebih merupakan daya tenaga penggerak tersebut. Dalam hal ini, daya tenaga untuk pergerakan tersebut lebih dikenali sebagai kelambatan dan kepantasan sesuatu pergerakan itu. Semakin tinggi daya tenaga yang digunakan maka semakin pantaslah pergerakan tersebut. Begitu juga sebaliknya iaitu semakin kurang penggunaan daya tenaga makan semakin lambatlah pergerakan tersebut. Berdasarkan contoh ayat seperti di 5) perkataan *menonong* hanya dikolokasikan dengan frasa *ko dopan*. Perkara ini menunjukkan pergerakan *menonong* ini bukanlah berlari tetapi masih lagi berada di dalam kategori pergerakan pantas.

Tetapi untuk perkataan *belolah,* contoh ayat 6) dan 7) jelas menunjukkan pergerakan dan perlakuan yang pantas misalnya dalam ayat 6) perkataan *belolah* diikuti dengan perkataan *mencelinap*. Perbuatan *mencelinap* menggambarkan pergerakan yang pantas untuk menyembunyikan diri, menyelamatkan diri atau sebagainya. Dalam contoh ayat 7) pula, *belolah* digandingkan dengan perasaan *hongeh* iaitu penat. Perasaan penat selalunya berlaku atau timbul apabila kita menggunakan tenaga dengan banyak dan pantas misalnya ketika mengangkat barang berat atau bergerak dengan pantas dan aktif. Secara tidak langsung, contoh ayat *belolah* ini menyokong bahawa *belolah* merupakan perlakuan yang menggambarkan pergerakan yang pantas dan menggunakan tenaga yang banyak.

Selanjutnya ialah contoh ayat 8) dan 9) iaitu ayat yang menggambarkan pergerakan *mencenceng* dan *mencicit*. Pergerakan *mencenceng* dan *mencicit* ini menggambarkan pergerakan iaitu larian yang laju dan pantas bergantung kepada tujuannya. Untuk kata *mencenceng* seperti dalam contoh 8) pergerakan *mencenceng* ini ialah untuk mendapatkan sesuatu seperti yang dirujuk di atas di

mana budak kecil itu berlari mendapatkan neneknya yang sedang memegang beg duit dengan niat untuk mendapatkan sedikit habuan. Berlainan dengan contoh ayat 9) yang menggambarkan perlakuan *mencicit* itu bertujuan untuk melarikan diri daripada dikejar. Perkara ini dikukuhkan dengan pernyataan *tak dapek den nak kojar do*. Pernyataan di dalam ayat 9) itu secara tidak langsung menunjukkan perlakuan ini menggambarkan bahawa *mencicit* ini lebih laju dari perlakuan berlari sehinggakan tidak terkejar oleh individu tersebut. Perkara ini juga membuktikan bahawa perlakuan berlari untuk mendapatkan sesuatu iaitu *mencenceng* lebih rendah penggunaan tenaganya berbanding perbuatan *mencicit* iaitu berlari untuk menyelamatkan diri. Dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa *mencicit* lebih pantas berbanding *mencenceng*. Manakala *mencenceng* pula lebih pantas pergerakannya berbanding *belolah*. Selanjutnya, rajah seterusnya menunjukkan hirarki kepantasan setiap leksikal pergerakan :

Rajah 1.1 Hirarki Kepantasan GERAK



Berdasarkan Rajah 1.1, tahap kepantasan pergerakan dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu lambat, sederhana dan pantas. Pertamanya ialah tahap pergerakan yang disifatkan sebagai lambat. Leksikal yang mewakili tahap pergerakan lambat ini ialah *ensot*, dan *mengumba*. Tahap kedua ialah tahap pergerakan yang bersifat sederhana yang diwakili oleh leksikal *menonong*. Manakala tahap ketiga ialah pergerakan yang bersifat pantas yang ditandai oleh leksikal *belolah*, *mengambur*, *mencenceng,* dan *mencicit*. Leksikal yang berkongsi atribut-atribut yang sama, iaitu leksikal *menonong*, *belolah*, *mencenceng*, dan *moncicit* telah terpisah kepada dua tahap, iaitu tahap kedua

dengan pergerakan yang bersifat sederhana dan tahap ketiga, iaitu pergerakan yang bersifat pantas. Leksikal *menonong*, iaitu berjalan terus ke hadapan tanpa menoleh ke kiri dan kanan lebih sederhana kepantasannya. Bagaimanapun, terdapat perbezaan pergerakan bagi leksikal *belolah*, *mencicit* dan *mencenceng*. Leksikal *mencenceng* dan *mencicit* lebih pantas tahap lariannya berbanding *belolah* di atas faktor tertentu, misalnya kerana berkehendakkan sesuatu perkara dan atau berlari lintang pukang. Hal ini menunjukkan selain faktor ruang, iaitu arah gerakan dan alat penggerak, dan faktor waktu iaitu kepantasan pergerakan, faktor yang mencetuskan pergerakan juga dapat mempengaruhi kepantasan pergerakan.

KATA KERJA *CAMPAK*

Kata kerja *campak* secara terasnya bermakna tindakan melontar atau membuang sesuatu atas sebab-sebab tertentu sama ada benda tersebut bernyawa atau tidak bernyawa. Kata kerja *campak* juga didapati mempunyai konsep ruang. Namun begitu, perkara yang membezakan kata kerja ini dengan kata kerja yang lain ialah *campak* mengandungi unsur konsep kejauhan fizikal seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3 C*ampak* dan Leksikal Pinggiran

Leksikal	Makna
Buang	Mencampak sesuatu kerana tidak memerlukannya.
Humban	Mencampak dengan menggerakkan tangan ke hadapan dan dijatuhkan dengan gerakan ke bawah.
Baeh	Melempar sesuatu benda menggunakan sebelah tangan dengan gerakan ke hadapan.
Locut	Seperti baeh tetapi dengan tenaga yang lebih dan jarak balingan lebih jauh.


Kesemua leksikal dalam Jadual 1.3 mendukung makna pinggiran bagi *campak* kerana perbezaan atributnya dari segi arah gerak serta jarak kejauhan fizikalnya. Hal ini membuktikan bahawa konsep ruang juga terkandung untuk kata kerja ini. Dengan itu arah gerakan mencampak juga dilihat berhubung kait dengan jarak kejauhan fizikalnya, iaitu bergantung kepada cara perlakuannya. Misalnya:

Jadual 1.4 CAMPAK dari Segi Arah Gerak dan Jarak

Makna Teras CAMPAK		**Konsep Ruang**		
No	Leksikal	Arah Gerak	Cara Perlakuan	Jarak Fizikal
i)	Buang	Semua arah	Satu atau dua tangan	Dekat
ii)	Humban	↓	Dua tangan	Dalam
iii)	Baeh	↑	Satu tangan	Jauh
iv)	Locut	→	Satu tangan	Sangat jauh

Berdasarkan Jadual 1.4, didapati bahawa arah gerakan bagi leksikal *buang* ialah semua arah dengan menggunakan satu atau kedua-dua tangan. Sedangkan jarak fizikal balingannya ialah dekat. Manakala untuk *humban* pula, arah gerakannya ialah ke bawah dan dijatuhkan dengan menggunakan dua tangan. Oleh itu, leksikal *humban* dalam dialek Negeri Sembilan, jarak fizikal untuk balingannya ialah dalam. Berlainan pula dengan leksikal *baeh* dan *locut*. Leksikal *baeh* dan *locut* hanya memerlukan satu tangan untuk menghasilkan jarak balingan yang lebih jauh dengan arah balingannya ke hadapan. Perbezaan makna leksikal *baeh* dan *locut* ialah arah balingan untuk *baeh* ialah ke atas misalnya ke atas pokok atau atas bumbung rumah, sedangkan untuk leksikal *locut* arah balingannya jauh ke hadapan dan bukan ke atas (Nur Liyana, 2012). Jadual 1.9 juga menunjukkan bahawa *campak* mempunyai hirarki darjah kejauhan. Hirarki darjah kejauhan ini ditunjukkan seperti Rajah 1.2:

Rajah 1.2 Hirarki Kata Kerja *Campak* dan Kejauhan Fizikal



Berdasarkan Rajah 1.2, leksikal *buang* menduduki tahap tertinggi dalam hirarki tersebut. Hal ini kerana leksikal *buang* boleh dibaling pada semua arah dan arah gerak lontarannya adalah selari sahaja. Manakala jarak kejauhan fizikal untuk leksikal *humban* adalah di bawah leksikal *buang* kerana jarak fizikal untuk leksikal ini ialah dalam. Namun begitu, ini tidak bermakna jarak kejauhan fizikal bagi leksikal *humban* adalah lebih jauh berbanding *buang*. Sebaliknya, perkara ini menandakan bahawa tiada jarak kejauhan fizikal bagi balingan leksikal *humban*. Hal ini dapat diperhatikan dalam contoh berikut:

10) Budak ni kang den *humban* dalam pigi buto ni kang!
'Budak ini nanti aku *humban* dalam perigi buta ini nanti!'
11) Selipar doyan ni mano poie eh ni? Kang kok ke pangka gaung doyan *humban* ekau ni kang!
'Selipar aku ini mana perginya ini? Nanti ke pangkal gaung aku *humban* engkau ini nanti!'

Berdasarkan contoh di atas, didapati bahawa leksikal *humban* mendukung makna pinggiran *campak*. Hal ini kerana leksikal ini mengandungi jarak kejauhan fizikal ke bawah dan ke dalam seperti yang terdapat dalam contoh (10) dan (11) seperti *dalam pigi buto* 'dalam perigi buta' dan *ke pangka gaung doyan* 'ke pangkal gaung sana'. Oleh sebab itu, leksikal ini merujuk kepada kategori dalam. Sedangkan perkara yang sebaliknya pula pada leksikal yang lain, misalnya *baeh* dan *locut*. Dalam situasi ini kejauhan fizikal bagi leksikal *baeh* dan *locut* ini bergantung kepada jarak balingan yang dicampaknya. Misalnya:

12) Ekau jangan nak memain mo den, kang den *baeh* ekau mo selipar ni kang.
'Engkau jang nak main-main sama aku, nanti aku *baeh* engaku sama selipar ini nanti'.
13) Apo kogheh bona kuih kau ni? *Baeh* kek dinding pun pocah dinding.
'Apa keras benar kuih kau ini? *Baeh* dekat diniding pun pecah dinding'.
14) Agak-agak ado yang memokak kek dopan rumah tu, ekau *locut* yo dongan batu.
'Agak-agak ada yang memekak dekat depan rumah itu, engkau *locut* saja dengan batu'.
15) Ikut kan den, den *locut* an koluar natang bondo tu kang. Tak habih-habih tengok FB budak AANS tu yo.
'Ikutkan saya, saya *locutkan* keluar benda bodoh tu nanti. Tak habis-habis tengok FB budak AANS tu saja'.
16) Kau kok den buek po *locut* an kambing, koneneng deh balik ghoban.
'Kau kalau aku buat lempar *locutkan* kambing, terhuyung-hayang balik reban'.

Contoh di atas memperlihatkan perbezaan kejauhan fizikal bagi leksikal *baeh* dan *locut*. Contoh (12) dan (13) menggambarkan orang yang kena campak berada dekat dengan pandangan pelaku. Sedangkan untuk *locut*, orang yang dikenakan perbuatan tersebut berada jauh daripada pandangan pelaku. Oleh itu, jarak kejauhan lontaran bagi leksikal *locut* adalah yang paling jauh berbanding leksikal *baeh*. Hal ini membuktikan ketajaman persepsi dan pemerhatian penutur dialek Negeri Sembilan tentang perlakuan seharian dan memterjemahkan perlakuan tersebut dalam hierarki yang berbeza tahapnya.

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti hierarki leksikal kata kerja yang terdapat dalam dialek Negeri Sembilan. Perincian tentang konsep ruang (arah gerakan, cara gerakan) dan konsep waktu, iaitu darjah kepantasan sesuatu perlakuan berdasarkan Asmah (1980) dapat dijelaskan dengan lebih sistematik melalui Teori Prototaip. Hasil kajian ini telah membuktikan ketajaman persepsi masyarakat penutur dialek Negeri Sembilan dalam mengkonseptualisasikan dan memperincikan perlakuan-perlakuan kehidupan harian mereka. Pengkaji percaya terdapat banyak lagi leksikal khusus seperti ini dalam dialek Negeri Sembilan berhubung dengan domain-domain yang lain. Penemuan ini, secara tidak langsung membuktikan kepekaan penutur dialek Negeri Sembilan dalam mengkonseptualisasikan tingkah perlakuan harian mereka dalam kehidupan seharian. Kajian ini juga telah dapat memperlihatkan faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan hirarki makna sinonim dalam kata kerja dialek Negeri Sembilan.

RUJUKAN

Ajid Che Kob. 2002. Dialek Melayu Negeri Sembilan. Dlm Sastri Yunizaril Bakry & Media Sandru Kasih (pnyt.). *Menelusuri Jejak Melayu Minangkabau*. Padang:Yayasan Citra Budaya Indonesia.

Asmah Haji Omar. 1988: *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lakoff, G & Johnson, M.1987. *Women, Fire and Dangerous Things*. Chicago: University Of Chicago Press.

Langacker, Ronald W. 1987. *Foundations of Cognitive Grammar Vol I: Theoritical Prerequisites*. Stanford: Stanford University Press.

Nur Liyana Zulkffle. 2012. *Pendeskripsian Kata Kerja Perbuatan dalam Dialek NegeriSembilan: Suatu Analisis Semantik*. Tesis Sarjana. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor Hashimah Jalaluddin dan Hawiyah Baba. 2007. Masalah Polisemi dalam Perkamusan: Satu Penyelesaian Semantik Kognitif. Dlm. Nor HashimahJalaluddin, Imran Ho, Idris Aman (pnyt) *Linguistik: Teori dan Aplikasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norsimah Mat Awal. 2007. Peluasan Makna Kata ’Aman’ dan ’Manis’ Bersandarkan Korpus. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho, Idris Aman (pnyt) *Linguistik: Teori dan Aplikasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norsimah et.al. 2011. Pemerian Semula Dialek Negeri Sembilan: Laporan Awal. *Jurnal Bahasa Jendela Alam*. 7:1-15. Jurnal Persatuan Bahasa Moden Malaysia.